

SPRM jumpa PMO tetap tarikh ambil keterangan Najib
Malaysian Insider
Dec 3, 2015

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertemu dengan Pejabat Perdana Menteri (PMO) bagi menetapkan tarikh mengambil keterangan Datuk Seri Najib Razak berhubung isu SRC International dan dana RM2.6 bilion yang dimasukkan dalam akaun peribadinya.

SRC International merupakan anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sehingga ia diletakkan di bawah Kementerian Kewangan pada 2012.

"SPRM mengadakan pertemuan dengan Pejabat Perdana Menteri hari ini bagi memuktamadkan tarikh mengambil keterangan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"SPRM akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa," kata SPRM dalam satu kenyataan hari ini.

Bulan lepas, dalam wawancara bersama The Malaysian Insider, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali berkata, beliau memberikan SPRM sehingga hujung tahun ini untuk mengambil keterangan Najib mengenai derma RM2.6 bilion diterimanya dan menambah, siasatan ke atas derma kontroversi itu juga perlu diselesaikan pada waktu sama.

Apandi juga berkata beliau sudah memaklumkan Najib mengenai perkara ini, dan perdana menteri sudah bersetuju untuk disoal siasat.

Sebelum ini, pengkritik menuduh pihak berkuasa sengaja melambat-lambatkan siasatan, dan Majlis Raja-raja bulan lepas juga mendesak Putrajaya untuk menyempurnakan siasatan berkaitan dengan 1MDB secepat mungkin.

Pada 2 Julai lepas, The Wall Street Journal (WSJ) menerbitkan sebuah artikel memetik "penyiasat tidak mahu dinamakan" sebagai berkata hampir AS\$700 juta (RM2.6 bilion) dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi Najib, sebahagian besarnya dikeluarkan sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13) yang diadakan pada Mei 2013. – 3 Disember 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sprm-jumpa-pmo-tetap-tarikh-ambil-keterangan-najib>